



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Mempermainkan Agama?

‘Abd Allāh Aḥmad, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, bertanya:

Adakah sah sembahyang seorang ahli peminum arak, yang pada suatu masa minum arak kemudian tatkala bersyukur di atas usahanya ia pula sembahyang dan bersyukur di atas kejayaannya kepada Tuhan. Apakah pendapat tuan dalam hal serupa ini?

Jawab: Imam Aḥmad, Bukhārī dan lain-lain ada meriwayatkan daripada Abū Hurayrah, bahawa Rasulullah (SAW) bersabda maksudnya:

“Tidak berzina orang yang zina ketika ia berzina dalam hal keadaannya beriman, dan tidak mencuri orang yang mencuri ketika ia mencuri dalam hal keadaannya beriman, dan tidak meminum arak ketika ia meminumnya dalam hal keadaannya beriman.”

Yakni jika seseorang mukmin mengerjakan dosa besar seperti berzina, mencuri dan meminu arak maka ketika ia melakukan pekerjaan itu imannya telah meninggalkan dia, kerana tidak dapat dua hal yang berlawanan berhimpun pada diri seseorang dalam masa yang satu. Hanya apabila ia berhenti daripada mengerjakan dosa itu baharulah imannya itu datang semula kepadanya.

Berapa lamanya perantaraannya tidak dapat kita sebutkan kerana kita belum mendapati keterangannya untuk perantaraan masa yang demikian itu.

Suatu hadis lagi diriwayatkan oleh Imam Aḥmad, al-Hākim dan ini jan dengan sanad yang sahih daripada Ibn

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal chwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

‘Ābbas (RA) bahawa Nabi (SAW) bersabda, maksudnya:

“Telah datang kepadaku Jibril lalu berkata:

Ya Muhammad, sesungguhnya Allah telah melaknat akan arak, orang yang memerahnya, orang yang meminta diperahkan, orang yang meminumnya, orang yang membawanya, orang yang dibawakan kepadanya, orang yang menjualnya, orang yang membelinya, orang yang menuangkannya dan orang yang diminumkannya”.

Orang-orang yang dalam masa kepayahan berhajat kepada pertolongan Allah dan dalam masa kesenangan melupakan kepada kelimpahan Tuhan dan mengerjakan pula pekerjaan-pekerjaan yang ‘asi sudah barang tentu yang demikian itu keadaan sangat dikutuk dan tidak disukai dan keadaan yang secara inilah yang kerap berlaku di dalam lingkungan kita.

Firman Allah Ta‘ālā maksudnya:

“Apabila manusia ditimpa kesusahan maka berdoalah ia meminta pertolongan kami ketika ia berbaring, atau duduk, ataupun berdiri. Apakala kami hapuskan kesusahannya maka ia pur lepas laku seolah-olah tidak pernah meminta pertolongan kepada kami atas kesusahannya yang menimpa itu. Demikianlah orang-orang yang bersalah itu memandang elok akan apa yang mereka telah kerjakan”- (12 Yūnus).

* * *

Sembahyang Tarawikh

Johari Aḥmad, Kampung Tanjung Gading, Batu 5, Muar bertanya: Adakah memadai seseorang itu berjemaah sembahyang tarawikh dengan tiada cukup 20 rakaat dan adakah